

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM PELAWA PAS LAGI

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengulangi tawarannya agar PAS kembali ke pangkuan Barisan Nasional.

Bellau membuat tawaran ini dengan wajah penuh kerendahan hati dan ketika keputusan pilihanraya kali ini membuktikan BN diberi mandat mentadbirkan Malaysia sekali lagi.

"Tawaran saya kepada PAS sebelum penamaan calon bulan lalu masih terbuka.

"Dan, sekali lagi saya mengulangi tawaran tersebut. Ini adalah tawaran rasmi dari BN," katanya ketika ditanya sama ada bellau masih inginkan PAS menyertai semula BN.

Oleh
**RUHANIE
HAJI AHMAD**

Diminta mengulas sama ada bellau akan mengutus surat rasmi mengenai usaha tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, bellau membuat tawaran dengan hati ikhlas dan tidak akan 'melutut' kepada pemimpin-pemimpin PAS bagi membuktikan keluhuran hatinya sewaktu membuat tawaran berkenaan.

Beberapa hari sebelum penamaan calon, Datuk Seri Dr. Mahathir menawarkan agar PAS kembali semula kepada BN demi perpaduan dan kepentingan umat Islam di negara ini.

Pelawaan tersebut

bagaimanapun ditolak oleh pucuk pimpinan PAS atas alasan lainya berbau politik, khususnya kerana pilihanraya akan dijalankan ketika itu.

Beberapa bulan sebelum itu, antara Oktober dan November tahun lalu, tawaran yang sama, walaupun kurang diketabul oleh akhbar, juga disampaikan kepada PAS.

Sekali lagi, perkara ini ditolak oleh PAS atas beberapa alasan dan sebab tertentu.

Kali ini, Datuk Seri Dr. Mahathir, salah seorang pemimpin Malaysia yang mempunyai kharisme, sudah pasti mengharapakan agar tangan persahabatan yang dihulurkan kepada Datuk Asri Muda, bekas kawan lamanya, mempunyai erti yang luhur dan ikhlas.